

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **PUAN TEO NIE CHING [KULAI]**

**TARIKH :** **1 DISEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan setuju untuk mewujudkan Undang-Undang Khas bagi menangani salah laku penjawat awam (*public misconduct*) yang membuat keputusan dengan membelakangi peraturan serta kepentingan awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai awam adalah tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]. Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana peraturan menyebabkan pegawai awam boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Tindakan pegawai yang membuat keputusan dengan membelakangi peraturan serta kepentingan awam adalah bercanggah dengan Peraturan 4(1) iaitu telah berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya, tidak jujur dan tidak amanah serta tidak bertanggungjawab. Bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan, pegawai boleh dikenakan hukuman daripada amaran sehingga buang kerja.

Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk mewujudkan Undang-undang Khas bagi menangani salah laku pegawai awam memandangkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang telah dikuat kuasakan mulai 15 Disember 1993 boleh digunakan bagi menghukum pegawai yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN  
OSMAN [ GERIK] [BN-UMNO]**

**TARIKH : 1 DIS 2015, SELASA**

**SOALAN : 17**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan terkini status bagi membangunkan sebuah lagi kawasan seperti Low Yat yang akan dijalankan di bangunan MARA.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, pembangunan Pusat ICT MARA yang bertempat di bangunan Menara MARA telah siap 30%. Pusat ICT ini dijangka mampu menempatkan seramai 30 orang usahawan Bumiputera dalam bidang ICT. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada hujung Disember 2015.

Inisiatif ini menunjukkan usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan melahirkan ramai usahawan daripada golongan belia. Pewujudan usahawan baru secara langsung membuka peluang ke arah penciptaan kekayaan dan penawaran peluang pekerjaan kepada orang ramai.